

Pengarah urusan direman tuduhan tipu tender RM22j

Didakwa arah pekerja beri maklumat palsu dapatkan kerja pembersihan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: Seorang pengarah urusan syarikat pembersihan direman tujuh hari, bermula semalam bagi membantu siasatan kes penyelewengan tender pembersihan bernilai RM22 juta pada 2018.

Perintah reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Alor Setar, Jamaluddin Alias, selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah. Semalam, suspek berusia 33 tahun ditahan pegawai SPRM Kedah di sebuah restoran di Kajang, Selangor, pada jam 12 tengah hari bagi membantu siasatan kes terbabit.

Suspek disyaki mengarahkan dua kakitangan syarikat perkhidmatan pembersihan terbabit mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu bagi tujuan memasuki tender kerajaan pada Julai 2018.

Susulan itu, dua kakitangan

berkenaan didakwa terpaksa membuat penyata bank serta cap palsu untuk diserahkan kepada kementerian sebagai pertimbangan mendapatkan projek pembersihan bernilai RM22 juta di sebuah jabatan di negeri ini.

Difahamkan, syarikat terbabit kemudian mendapat projek itu pada 2018 sebelum aduan dibuat kepada SPRM Kedah yang menyiasat kes berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



Pengarah urusan syarikat pembersihan (kiri) direman tujuh hari oleh Mahkamah Alor Setar semalam bagi membantu siasatan kes penyelewengan tender bernilai RM22 juta pada 2018.
(Foto BERNAMA)